

PERMODENAN KEATAS BOT PUKAT JERUT

Haron Bin Siraj

1986/87

B. S. (PERIKANAN)
FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDRA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR.

PERMODENAN KEATAS BOT PUKAT JERUT

OLEH

HARON BIN SIRAJ

Laporan Projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan
untuk mendapatkan Ijazah Bacelor Sains (Perikanan)

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDRA

UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

SESSI 1986 / 87

PENGHARGAAN

Bershyukur ke Hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnianya dapat saya menyiapkan kertas projek ini. Ucapan terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Haji Rahim Bin Ibrahim, penyelia pertama saya yang telah memberikan tunjuk ajar serta pandangan yang berguna dalam kajian yang dilakukan. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada Encik Khalid Bin Samo, penyelia kedua yang telah memberikan nasihat dan semangat serta tunjuk ajar dalam masalah yang dikaji.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Encik Nordin bin Ali dan Tuan Haji Ali bin Embong yang telah membenarkan saya menyertai mereka semasa operasi penangkapan ikan dijalankan.

Segala kemudahan yang saya dapati semasa menyelesaikan projek ini daripada pihak makmal dan perpustakaan saya ucapkan ribuan terima kasih.

Kepada teman-teman seperjuangan yang telah memberikan pandangan dan kritikan yang baik kepada saya semasa kajian dijalankan, saya ucapkan terima kasih.

Ikhlas dari

- PENULIS -

ABSTRAK

Kajian yang dilakukan adalah meliputi rekabentuk bot pukat jerut, peralatan geladak yang digunakan, sistem penyimpanan ikan, jumlah tenaga kerja yang digunakan, keupayaan mengesan ikan dan beberapa aspek lain yang berkaitan dengan bot pukat jerut. Maklumat yang diambil adalah disekitar kawasan Kuala Trengganu kerana ia berdekatan dengan tempat kediaman pengkaji di samping memberi kemudahan menghubungi pihak yang terlibat sekiranya timbul masalah.

Pengkaji turut bersama-sama nelayan pukat jerut beroperasi di laut bagi melihat keupayaan bot tempatan menjalankan aktiviti penangkapan ikan. Jangkamasa yang diambil semasa pendaratan juga dinilai kerana ia juga adalah salah satu masalah yang perlu di - selesaikan.

Cadangan dan perbandingan antara peralatan moden dengan peralatan yang sedia ada juga diberikan supaya nelayan yang berminat dapat membuat pilihan yang tepat tanpa ragu-ragu.

Bagi mendapatkan jumlah perbelanjaan membina sebuah bot pukat jerut yang serba moden, pembina-pembina bot dari Pulau Duyung, Bukit Tumbuh dan Teluk Pasu ditemui di samping mendapatkan maklum balas dari pembekal injin dan pembekal alat-alat eletronik.